

10/09/1998

Sabah tidak halang lawatan bekas TPM

KOTA KINABALU, Rabu - Kerajaan Sabah tidak akan melarang bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim melawat negeri itu kerana tiada undang-undang yang melarang rakyat Malaysia melawat Sabah.

Ketua Menteri, Tan Sri Bernard Dompok, berkata setiap rakyat Malaysia yang mempunyai dokumen perjalanan yang sah boleh melawat Sabah tanpa sebarang sekatan.

"Tidak ada sebab untuk melarang Anwar datang dan kita tidak bercadang menghalang kedatangannya ke negeri itu.

"Sabah bebas dikunjungi, kerana itu rakyat Malaysia yang mempunyai pasport boleh berkunjung bila-bila masa," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Kabinet negeri hari ini.

Dompok diminta mengulas kemungkinan Anwar ke Sabah untuk menjelaskan kedudukan beliau selepas dipecat daripada Kabinet dan Umno minggu lalu.

Sementara itu, Pengerusi Perhubungan Umno Sabah, Datuk Osu Sukam, yakin ahli Umno menerima penjelasan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tanpa banyak persoalan.

"Mereka semua faham dengan kedudukan sebenar pemecatan itu demi kepentingan parti dan masa depan negara. Umno akan mengawasi semua peringkat termasuk pada peringkat akar umbi bagi memastikan semua ahlinya faham dengan isu itu," katanya.

Beliau berkata, arahan mengenai pengawasan di semua peringkat itu sudah dikeluarkan selepas mesyuarat Majlis Tertinggi Umno Jumaat lalu.

(END)